

15/11/1999

MB tidak dicalon hanya spekulasi, kata Mahathir

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan laporan akhbar mengenai kemungkinan beberapa Menteri Besar digugurkan atau bertanding di kerusi Parlimen, sebagai spekulasi semata-mata.

"Biasanya orang membuat macam-macam spekulasi dan itu hanya spekulasi... macam mana saya hendak beri komen. Tunggulah hari penamaan calon," katanya selepas memberi amanat kepada lebih 15,000 anggota Pergerakan Pemuda dan Wanita parti-parti komponen Barisan Nasional (BN), di sini hari ini.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN mengulas laporan akhbar mengenai beberapa Menteri Besar kemungkinan digugur atau dipindahkan ke Pusat.

Malah, ada Menteri Besar yang dilaporkan bersedia untuk bertanding di kawasan Parlimen jika itu keputusan presiden parti.

Dr Mahathir bagaimanapun menegaskan, dalam setiap pilihan raya umum, memang ada muka baru diketengahkan sebagai calon dan amalan itu sudah menjadi kebiasaan bagi BN.

Mengenai desas-desus Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali akan turut dicalonkan untuk bertanding atas tiket BN pada pilihan raya kali ini dan seterusnya dilantik sebagai Menteri Besar Kedah, beliau hanya berkata: "Setiap orang bebas membuat spekulasi".

Beliau berkata, senarai penuh calon BN hanya diumumkan menjelang hari penamaan calon.

Dr Mahathir berkata, beliau akan menemui ketua-ketua Badan Perhubungan Umno Negeri dan ketua parti-parti komponen BN mulai esok untuk memutuskan senarai calon.

"Tetapi belum diumumkan. Kita nak muktamadkan, dengar pendapat ketua-ketua perhubungan dan ketua-ketua parti. Mereka akan kemukakan senarai tetapi senarai akhir akan ditentukan oleh saya," katanya.

Ditanya sama ada semua 14 parti komponen BN akan bertanding kali ini, beliau berkata pertimbangan akan diberi kepada semua parti komponen.

"Saya sudah nyatakan, apabila dinamakan (sebagai calon), mereka tidak lagi mewakili parti mereka, mereka adalah calon BN," katanya.

(END)